

***CAPITAL DEVELOPMENT DEVELOPMENT FROM THE POLITICAL MUSLIM
STUDENTS OF TUANKU SYED SIRAJUDDIN PURSUANT TO ISLAMIC
PERSPECTIVE***

**Mardziah Binti Kamarudin
Nik Khatijah Binti Nik Mustaffa
Mohd Ridzuan Bin Abdul Rahman**
Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Pauh Putra, 02600, Arau, Perlis, Malaysia
e-mail: haji2068@gmail.com
email: nikkhatijah@yahoo.com
email: nixsone@gmail.com

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan kajian-kajian ilmiah yang lepas berkaitan cara membangunkan modal insan pelajar muslim politeknik menurut perspektif Islam. Ianya juga membincangkan definisi, konsep, punca dan cara membangunkan modal insan. Perbincangan pembangunan modal insan muslim politeknik memfokuskan kepada perspektif Islam tetapi kertas ini lebih banyak menghuraikan karya penulisan pengkaji-pengkaji yang berasaskan acuan Islam itu sendiri. Budaya hidup pelajar muslim politeknik pada masa kini tidak sama dengan budaya hidup mereka yang berada di era 80an. Pengaruh kecanggihan teknologi masa kini menyebabkan mereka banyak terdedah dengan media sosial di mana mereka mudah mendapat info hanya dengan hujung jari sahaja. Tugas hakiki pensyarah politeknik adalah pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, pensyarah politeknik juga berperanan sebagai kaunselor untuk membangunkan modal insan pelajar. Perbincangan di dalam kertas kerja ilmiah ini akan menjurus kepada bagaimana modal insan di kalangan pelajar muslim Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin boleh dibangunkan berdasarkan perspektif islam yang meliputi iman kepada Allah SWT.

Kata kunci: modal insan, definisi, konsep, cara, iman.

ABSTRACT

This paper discusses past scientific studies on how to develop human capital of polytechnic Muslim students according to Islamic perspective. It also discusses the definitions, concepts, causes and ways to develop human capital. The discussion on the development of Muslim human capital is focused on the Islamic perspective but this paper further describes the work of authors based on Islam's own reference. The life of polytechnic Muslim students today is not the same as their living culture in the 80's. The influence of today's technology sophistication causes them a lot of exposure to social media where they can easily get info with just a finger tip. The main task of polytechnic lecturers is teaching and learning. In addition, polytechnic lecturers also act as counselors to develop student human capital. The discussion in this paper will lead to how human capital among Muslim students Tuanku Syed

Sirajuddin Polytechnic can be developed based on an Islamic perspective covering the faith of Allah SWT.

Keywords: human capital, definition, concept, way, faith.

1. Pengenalan

Pelajar adalah domain utama yang diamanahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Pensyarah yang mempunyai pengetahuan yang luas di dalam bidang yang diajarnya akan membantu pelajar untuk lebih faham dan menguasai apa yang dipelajari oleh mereka. Walaubagaimanapun, pembangunan modal insan pelajar muslim politeknik adalah aspek yang tidak boleh diabaikan sama sekali untuk memastikan kelestarian sesuatu institusi.

Modal insan atau *human capital* merujuk kepada modal atau apa yang dapat dikeluarkan dari seseorang insan untuk dimanfaatkan. Dengan kata lain modal insan juga merujuk kepada kesemua yang bersumberkan dari manusia. Oleh itu modal insan juga boleh disamakan dengan istilah sumber manusia. Pembangunan berkaitan modal insan atau sumber manusia di kalangan pelajar muslim politeknik ini bukan sahaja penting untuk memperkasakan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, malah ia juga penting dalam memastikan kelestarian jati diri seseorang individu. Hal ini menjadikan pembangunan modal insan tidak hanya boleh dilihat dari aspek fizikal atau material semata-mata namun ia lebih penting lagi untuk dilihat dari aspek spiritual dan kerohanian seseorang individu (Noor Shakirah & Muhammad Azizan, 2014).

Pembangunan modal insan adalah fungsi penting yang dilakukan dalam sebuah institusi yakni bagaimana memudahkan pemanfaatan insan yang paling berkesan untuk mencapai matlamat institusi dan individu (Junaidah Hashim, 2009). Dalam usaha untuk merealisasikan hal tersebut, peranan pensyarah amatlah penting dalam membangunkan modal insan bagi kemanfaatan institusi. Pembangunan modal insan pelajar muslim politeknik perlu bermula dengan penyebaran ilmu kepada para pelajar muslim politeknik. Peranan penyebaran ilmu itu adalah perlu dimainkan oleh pensyarah muslim politeknik yang merupakan sumber utama penerimaan ilmu oleh para pelajar muslim di politeknik. Melalui ilmu itu pelajar mampu untuk mengamalkannya. Ilmu yang perlu disebar adalah berkaitan mengenal Allah, mencintai Allah dan rasa keagungan kepada Allah SWT. Di antara akhlak para sahabat Rasulullah SAW yang menjadi penyebab hadirnya pertolongan dan bantuan Ilahi adalah keinginan yang kuat untuk menuntut ilmu agama (Sayyid Muhammad Nuh, 2018). Sikap ini selaras dengan firman Allah SWT,

Surah (Thaha 20:114) :

Maksudnya:

“Dan katakanlah, “Ya Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan.”

Surah (Az-Zumar 39:9) :

Maksudnya:

“Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?”

Berdasarkan firman-firman Allah yang tersebut di atas jelaslah bahawa pembangunan modal insan perlulah berlandaskan modal ilmu yang menjadi faktor pendorong dalam membina personaliti pelajar PTSS. Mana mungkin individu pelajar yang Allah anugerahkan ilmu sama dengan pelajar yang tiada ilmu. Para sahabat Rasulullah SAW yakin dengan ilmu menyebabkan mereka faham terhadap agama Islam yang merupakan kendali yang menjaga gerak-geri seorang pelajar muslim politeknik dalam setiap aktiviti sehingga seseorang pelajar muslim itu hanya melakukan perbuatan yang diredhai Allah sahaja (Sayyid Muhammad Nuh, 2018).

Ini bermakna penyebaran ilmu yang disampaikan oleh pensyarah muslim politeknik mestilah berkaitan keagungan Allah, kehebatan Allah dan kasih-sayang Allah boleh membantu pembentukan personaliti yang positif terhadap pelajar muslim di politeknik. Bilamana pelajar muslim itu kenal Allah, akan ada perubahan personaliti kehidupan ke arah yang diredhai Allah. Mereka akan ikut kata Islam, bukan Islam ikut kata mereka. Secara tidak langsung pertolongan Allah turun kepada pelajar muslim politeknik. Hidupnya akan diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT.

Dunia pendidikan hari ini dipelopori oleh pendidikan dari barat yang berasaskan eksperimen dan ujikaji semata-mata yang kadang-kadang dengan menggunakan haiwan menjadi rujukan utama pendidikan hari ini samada ada di peringkat dasar sehinggalah ke peringkat tertinggi hatta universiti-universiti terkemuka dunia (Rosdi & Maimunah, 2014). Tambah mereka lagi, kesannya apabila kaedah serta cara ini digunapakai dalam menyantuni fasa-fasa pertumbuhbesaran manusia, masyarakat kita hari ini tidak lagi melahirkan manusia yang memiliki sifat-sifat sebagai manusia yang seutuhnya tetapi terbit dengan watak-watak, perilaku-perilaku dan tindakan-tindakan seperti haiwan bahkan lebih teruk daripada itu. Secara tidak langsung pendidikan barat tidak menyumbang kepada pembangunan modal insan yang terpuji kerana ilmu mereka berasaskan kepada teori dan eksperimen. Tetapi ilmu Islam bersumberkan dari Wahyu Allah dan melalui perantara Malaikat Jibril dan penunjuk cara ilmu itu adalah Rasulullah SAW. Maka sudah semestinya pelajar muslim politeknik perlu kembali mengenal Allah sebagai Tuhan yang mencipta manusia. Ini kerana Allah yang mencipta manusia maka Allah sajalah yang mengetahui bagaimana ilmu untuk mengurus manusia yang diciptakanNYA. Persoalannya kurikulum barat hari ini tidak mengaplikasikan bagaimana kaedah untuk mengenal Tuhan yang mencipta manusia.

Pembangunan modal insan pelajar muslim politeknik berprinsipkan Islam perlu bertindak sejajar dengan nilai-nilai ajaran Islam. Segala perubahan yang ingin dilaksanakan ke atas individu pelajar politeknik itu perlulah bermula dengan membaiki hubungan insan dengan Allah dan juga hubungan sesama manusia dan alam. (Mohd Zailani Yusoo, 2012). Pelajar muslim politeknik perlu ada kesungguhan di dalam memperbaiki sahsiah sebagai seorang pelajar. Sejarah Islam telah melakarkan para sahabat Rasulullah SAW mengambil berat di dalam mendidik diri mereka sendiri. Sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti

pertarbiyyahan (Ali Al-Shurbaji, 2009). Aspek pentarbiyyahan perlu diambil berat dalam pembangunan modal insan muslim politeknik. Imam Al-Baydawi dalam tafsirnya berkata, “tarbiyah (pendidikan) adalah menyampaikan sesuatu hingga terbentuk sempurna, sedikit demi sedikit.” (Majdi Al-Hilali, 2015).

Sejarah ketamadunan manusia telah membuktikan bahawa telah lahir satu generasi yang dididik oleh Rasulullah yang diiktiraf oleh Allah di dalam Surah (Ali Imran 3:110) yang bermaksud:

“Kamu (umat Islam) adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, kerana kamu menyuruh kepada ma'aruf (kebaikan) dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah.”

Apakah rahsia kejayaan generasi Rasulullah dan para sahabat ini sehingga dinobatkan secara khusus oleh Allah di dalam Al-Quran yang agung? Syed Qutb (1986) memberikan jolokan khusus kepada generasi awal sahabat sebagai generasi Al-Quran yang unik. Jelas beliau, ini kerana asas tunjang dan keberhasilan baginda Rasulullah mendidik para sahabat adalah kerana kesemua mereka ini melalui proses tarbiyah (pendidikan) yang berteraskan tauhid kepada Allah melalui corak, kaedah dan cara yang dibentangkan oleh Al-Quranul karim sepenuhnya. Tambahnya lagi sumber pokok yang divedok oleh generasi pertama ialah Al-Quran sahaja dan hadis Rasulullah dan petunjuk-petunjuk beliau adalah semata-mata merupakan pentafsiran kepada sumber utama itu.

2. Konsep Pembangunan Modal Insan

Menurut Rosdi & Maimunah (2014), hakikat bahawa Allah telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik bentuk dan kejadian (ahsani taqwim), sama ada dari segi dalaman mahupun luaran, menunjukkan bahawa penciptaannya yang sedemikian hebat itu mempunyai suatu tujuan penting yang telah ditentukan baginya untuk dicapai. Manusia jika tidak kenal Allah di hati, pasti dia tidak dapat membangunkan sahsiahnya. Ini kerana manusia diciptakan oleh Allah dan selayaknya manusia itu mengikut acuan (sibghah) yang ditentukan oleh Allah. Surah (Al-baqarah 2:138) :

Maksudnya:

“ ‘Sibghah (celupan) Allah’ Siapa yang lebih baik sibghahnya daripada Allah? Dan kepadaNya kami menyembah”

Keadaan semula jadinya atau fitrahnya itu adalah potensi semula jadi insani seorang pelajar yang mengakui hakikat Allah sebagai Rabb (Tuan dan Pemilik) dan hakikat dirinya sendiri sebagai hamba Allah yang mendiami muka bumi ini untuk berkhidmat kepada Allah sebagai satu-satunya Tuan dan Pemiliknya dan sebagai natijahnya ia mampu berkhidmat kepada kemanusiaan sejagat sebagai khalifah. Oleh itu untuk membangunkan modal insan pelajar politeknik dalam hatinya perlulah kembali kepada Allah dengan menjaga hubungan batin dan zahir dengan Allah Yang Maha Mencipta. Bilamana hubungan batin terjaga maka secara

tidak langsung hubungan zahir dengan Allah pun akan dipelihara oleh Allah Yang Maha Menguasai sekalian makhluknya.

Mengenal Allah memiliki pengaruh yang besar dalam menundukkan hati kepadaNya dan boleh mempengaruhi pembangunan modal insan pelajar muslim politeknik seperti adanya rasa rendah diri, luluh, takut dan memerlukan Allah dalam setiap masa dan tindakan harian. Selain itu, mengenal Allah juga akan memberikan seseorang kemampuan untuk melihat dirinya sebagaimana hakikatnya serta kemampuan mengukur sejauh mana kelemahan, ketidakberdayaan dan kebergantungannya kepada Rabbnya (Majdi Al-Hilali, 2006). Nabi Musa a.s pernah bertanya kepada Rabbnya, “wahai Rabb ku, hamba yang bagaimana yang lebih takut kepada Mu?” Allah SWT pun berfirman, “*hamba yang lebih tahu tentang Aku.*” Ini bermakna semakin pelajar muslim politeknik mengenal Allah, semakin ada rasa hatinya takut dan cemas kepada Allah SWT. Takut kepada Allah menyebabkan ianya ada perubahan personaliti yang positif pelajar muslim itu berbanding takut kepada manusia dan makhluk Allah yang lain. Bahkan takut kepada manusia ianya tidak membawa ketenangan dalam jiwa pelajar muslim politeknik. Sebaliknya takut kepada Allah hati manusia akan menjadi tenang.

Allah mencipta manusia bersama pakej iaitu Allah memberi rezeki, Allah meminta kita beribadah kepadanya dan Allah mendatangkan ujian kepada manusia berbentuk ujian kesenangan dan kesusahan. Cabaran sebagai pelajar muslim politeknik perlu sedar dan faham bagaimana untuk berdepan dengan ujian dari Allah yang menciptanya. Bila mereka tahu menghadapi cabaran hidup di politeknik sebagai pelajar, maka mereka mudah kenalpasti jalan penyelesaian kepada sesuatu masalah itu. Setiap dugaan yang datang adalah ujian dari Allah SWT bagi meningkatkan darjat seseorang di sisi Allah SWT (Noorsyafenas & Ahmad, 2016). Di dalam Surah Al-Mulk ayat 2 yang bermaksud:

“Yang menciptakan mati dan hidup untuk menguji kamu siapa di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa, Maha Pengampun.”

Surah (Al-Ankabut 28:2-3):

Bermaksud:

“Adalah manusia fikir bahawa mereka akan dibiarkan hanya dengan mengatakan ‘kami telah beriman’ dan mereka tidak diuji? Sesungguhnya, Kami telah menguji orang-orang sebelum mereka, maka Allah pasti mengetahui orang-orang yang benar dan orang-orang yang berdusta.”

Ayat-ayat yang Allah sebutkan di Al-Quran itu jelaskan kepada manusia bahawa mereka hadir ke bumi bersama pakej ujian. Setiap pelajar diuji untuk menjadi calon yang terbaik untuk mendiami syurga Allah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Islam.

3. Peranan Iman Dalam Membangunkan Modal Insan

Sesungguhnya permulaan penyelesaian dalam membangunkan modal insan pelajar muslim politeknik adalah melalui pembinaan iman yang teguh. Iman ialah kepercayaan yang meresap ke dalam hati dengan penuh keyakinan, tidak bercampur syak dan ragu, serta memberi pengaruh bagi pandangan hidup, tingkah laku dan perbuatan sehari-hari (Yusuf Al-Qaradawi, 2008). Jadi iman itu bukanlah semata-mata ucapan lidah, bukan sekadar perbuatan dan bukan pula hanya merupakan pengetahuan tentang rukun iman.

Tidak ada seorang muslim pun yang dalam hatinya ada keimanan kepada Allah dan hari akhirat melainkan dia pernah merasakan ada kerugian atas keadaan dirinya dan rasa takut berjumpa dengan Allah disebabkan apa yang menimpa pada dirinya daripada sifat lali dan pengabaian terhadap hak-hak Allah. Sekeras apa pun hati seseorang yang telah pernah beriman, dia tetap ada rasa rindu kepada Allah, rindu untuk bertemu dan berhijrah kepadaNya, kecuali orang yang sudah tidak boleh lagi lepas daripada mencintai dunia dan tidak berasa terikat dengan akhirat. Pelajar muslim politeknik yang hatinya ada rasa beriman kepada Allah SWT akan ada tanda-tanda kemanisan iman iaitu, rasa takut kepada Allah, patuh kepada arahan Allah samada secara rela ataupun terpaksa, mengerjakan solat fardu lima waktu sehari semalam dan bersifat suka menghulur atau pemurah. Buktinya tanda-tanda keimanan seseorang pelajar itu ada di dalam Surah (Al-Anfal 3: 2-4):

Bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu apabila disebut nama Allah, hati mereka penuh ketakutan dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (keterangan) Allah, keimanan mereka bertambah kerananya dan mereka menyerahkan diri kepada Tuhannya. Mereka mengerjakan sembahyang dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Itulah orang-orang yang sebenarnya beriman.”

Apabila Allah SWT anugerahkan iman kepada hati pelajar muslim politeknik, ia akan menjauhkan perbuatan yang tidak berfaedah seperti suka kepada hiburan yang melalaikan jiwa, bercampur gaul di antara pelajar lelaki dan perempuan politeknik yang bukan mahram, merokok dan tidak mampu mengurus masa dengan baik. Perkara tersebut ada disentuh oleh Allah melalui firmanNya di dalam Surah (Al-Mukminun: 1-3):

Bermaksud:

“Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. Iaitu orang yang khusyuk dalam solatnya. Dan orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna.”

Orang beriman percaya akan adanya Allah sebagai Tuhan semesta alam yang boleh memberitahu kepada manusia kriteria-kriteria orang beriman itu. Ini kerana Allah yang mencipta manusia maka selayaknya Allah lebih mengetahui sikap manusia itu. Jadi modal

insan pelajar muslim politeknik boleh dibangunkan dengan adanya iman di hati mereka. Iman boleh dibangunkan melalui penyebaran ilmu dan beribadah kepada Allah SWT.

Ketika hati sudah lekat dengan Allah dan telah merasakan manisnya mengenal Allah SWT, segala tuntutan perubahan modal insan muslim politeknik hanya memerlukan isyarat dan sedikit usaha seperti ketika pengharaman arak dengan firmanNya di dalam Surah (Al-Maidah :90)

Bermaksud:

“Maka jauhilah.”

Seketika itu juga jalan-jalan Madinah banjir dengan arak kerana sahabat Rasulullah SAW mula akur dengan arahan Allah kerana nikmat iman yang semakin menebal dengan Allah. Para sahabat segera mencurahkan semua arak dari bekas-bekas air mereka. Hal ini menjadi bukti kukuh bahawa mereka mendengar lalu mematuhi suruhan ayat itu. Keadaan ini berlaku ekoran dari hati yang lembut dan bersih dengan Allah SWT.

Sebagai pelajar muslim politeknik, di samping belajar di dalam kelas, pelajar juga perlu belajar sepanjang hayat (*long life learning*). Pelajar muslim politeknik belajar bukan tujuan untuk memiliki sijil akademik sahaja, bahkan untuk menguruskan rasa hati dan permasalahan hidup yang mereka hadapi seterusnya dapat membangunkan modal insan pelajar itu. Manusia bila ada ilmu ibarat campak ke laut akan jadi pulau. Ayat al-quran yang pertama Allah turunkan kepada Rasulullah SallallahuAlaihiwassalam Surah (Al-Alaq 96:1):

Bermaksud:

“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan.”

Ini bermakna Allah meminta manusia supaya membaca. Melalui pembacaan bahan ilmiah, pelajar muslim politeknik akan memperolehi ilmu dan meningkatkan rasa hati untuk beriman kepada Allah. Iman akan menggerakkan pelajar muslim melakukan perkara kebaikan yang merupakan juga sebahagian dari amal soleh. Bila adanya ilmu di hati, pelajar akan adanya kesedaran untuk bertindak. Secara langsung pelajar itu boleh membangunkan personalitinya sebagai seorang pelajar muslim yang berwawasan, berdedikasi dan boleh memberi manfaat kepada masyarakat persekitaran PTSS. Abdurrazaq (2011) menyatakan barangsiapa yang diberikan taufik untuk mendapat ilmu yang bermanfaat, maka ia telah diberikan hidayah oleh Allah. Ibnu Rajab dalam mendefinisikan ilmu manfaat adalah dengan meneliti teks-teks Al-Quran dan Assunnah, memahami makna-maknanya dan mengikat diri dengan mengikut apa yang diriwayatkan oleh para sahabat, tabien dan pengikut tabien (Abdurrazaq, 2011). Pelajar muslim politeknik perlu berdoa agar Allah SWT memberikannya kekuatan untuk melaksanakan arahan Allah dan Sunnah Rasul SAW.

Allah memberitahu kepada mereka yang baca dan tadabbur al-quran akan mampu mengenal Allah SWT. Seperti firman Allah :

Surah (Al-An'aam 6:103)

Bermaksud:

“Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata....”

Surah (Asy-Syuura 26:11)

Bermaksud:

“....Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia....”

Surah (Thaha 20:110)

Bermaksud:

“....Ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmuNya.”

Berdasarkan firman Allah SWT di dalam ayat-ayat al-quran yang tersebut di atas, boleh disimpulkan bahawa, mengenal Allah bukan melalui penglihatan mata kasar kerana orang yang cacat penglihatan sekalipun boleh mengenal Allah SWT. Allah perkenalkan bahawa zat Allah tidak sama dengan mana-mana makhluk di muka bumi mahupun planet-planet yang ada di angkasa. Begitu juga ilmu yang ada pada hati manusia tidak boleh menandingi ilmu yang ada pada Allah SWT kerana Allah yang memiliki perbendaharaan langit dan bumi. Jalan mengenal peribadi Allah boleh membangunkan modal insan pelajar muslim di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

4. Rekabentuk Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif Islam

Sesungguhnya permulaan penyelesaian akhlak bagi setiap manusia adalah melalui pembinaan iman yang teguh. Modal insan pelajar muslim politeknik yang perlu dibangunkan adalah individu pelajar itu memiliki akhlak yang terpuji seperti peka dengan suasana hidup Islam yang dianjurkan oleh Allah SWT dan qudwah hasanah melalui Rasulullah SAW seperti solat fardhu lima waktu sehari semalam dan tepat pada waktunya, membaca dan tadabbur al-quran pada setiap hari, rajin mengunjungi majlis-majlis zikir kepada Allah SWT, tolong- menolong, bekerjasama dan rajin belajar. Akhlak yang terpuji di dalam Islam menduduki tempat teratas kerana ianya sebagai jalan untuk mencapai kebaikan sesama manusia dan jaminan kebahagiaan di dunia dan akhirat (Ali-Al-Shurbaji, 2009). Apa yang diriwayatkan oleh Al-

Bukhari di dalam bab *Al-Adab* dari Nabi Sallahu'alaihi wasallam cukup membuktikan betapa tingginya kedudukan akhlaq di dalam Islam sepertimana Rasulullah SAW berkata: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlaq yang mulia:, dan semasa Allah memuji RasulNya (memuji budi pekerti) menerusi firmanNya di dalam Surah (Al-Qalam 68:4) yang bermaksud:

"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlaq yang amat mulia"

Akhlak merupakan natijah dari pelaksanaan iman kepada Allah, malah ianya salah satu cabang iman. Maksud hadis "*Orang yang paling sempurna imannya ialah orang yang paling luhur budi pekertinya*". Akhlak juga merupakan natijah kepada amal ibadah sebagai bukti kebenaran iman seseorang pelajar muslim itu. Solat di awal waktu juga merupakan sebahagian dari akhlaq muslim pelajar PTSS. Bilamana seseorang pelajar muslim itu menjaga solatnya supaya khusyuk dan mengikut tertibnya, Allah akan mencegah perkara keji dan mungkar pada diri beliau seperti firman Allah di dalam Surah (Al-Ankabut 29:45) yang bermaksud:

"Bacalah Kitab (Al-Quran) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah daripada (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingati Allah (solat) itu lebih besar (keutamaannya daripada ibadah lain)....."

Jelaslah melalui firman Allah ini juga dengan mengingati Allah banyak memberi kesan dan faedahnya dalam membangunkan modal insan pelajar muslim politeknik. Kesannya boleh nampak dengan lahirnya akhlaq terpuji.

Menurut Abdullah Muhammad (2008) di dalam Tafsir Al-Quran Ibnu Kathir menjelaskan ayat tersebut bahawa Allah memerintahkan RasulNya dan orang-orang beriman untuk membaca Al-Quran serta menyampaikan kepada manusia. Kemudian memerintahkan agar mendirikan solat dan solat merangkumi dua hal iaitu melalui solat ianya boleh meninggalkan perbuatan keji dan mungkar. Ertinya dengan memelihara solat dengan khusyuk akan mendorong sikap untuk meninggalkan perbuatan-perbuatan yang boleh mengotorkan jiwa dan langsung membangunkan modal insan pelajar muslim politeknik.

Bilamana pelajar muslim politeknik itu mengenali Allah SWT sebagai Rabb sekalian alam, hatinya mula berjinak-jinak untuk mengetahui apa ertinya Islam. Sebahagian definisi Islam diertikan sebagai tunduk, menyerah dan mentaati Allah dan ketundukan itu lahir dari kesedaran yang bukan kerana terpaksa (Abdul Karem, 2007). Semua makhluk tunduk di bawah ketentuan Allah baik dari segi kejadian, kekal dan fananya, dan dalam bidang itu manusia tidak berbeza dengan makhluk-makhluk lain. Ketundukan dengan penuh kesedaran merupakan hakikat Islam dan ketundukan ini akan melahirkan rasa sedar akan adanya pahala dan siksa. Bila jiwa pelajar muslim politeknik itu sedar akan perlu tunduk dan berhubung

dengan Allah dalam keadaan lapang dan tenang barulah pelajar itu boleh membangunkan modal insan.

Surah (Ar-Ra'd 13:28):

Maksudnya:

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenang tenteram dengan mengingat Allah (berzikir). Ingatlah hanya dengan mengingat Allah hati akan tenang tenteram.”

Surah (Al-Muzzammil 73:6):

Maksudnya:

“Sesungguhnya bangun malam (qiamullail) itu lebih kuat (mengisi jiwa) dan (bacaan pada waktu itu) lebih memberi kesan.”

Jelaslah berdasarkan firman Allah yang tersebut di atas, ibadah qiamullail boleh membantu menguatkan jiwa pelajar muslim politeknik dan secara tidak langsung boleh membangunkan modal insan mereka. Permasalahan yang rumit boleh diuruskan dengan mudah jika jiwa pelajar itu kuat berhubung dengan Allah.

Surah (Ali-Imran 3:173):

Maksudnya:

“.....cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung.”

Ayat ini berkenaan dengan Nabi Ibrahim ketika Raja Namrud menyediakan unggun api untuk membakar Nabi Ibrahim lalu Nabi Ibrahim membaca ayat tersebut (Abdullah Muhammad, 2008). Jelaslah bahawa salah satu cara untuk membangunkan modal insan pelajar muslim politeknik adalah dengan mengamalkan ayat al-quran tersebut sebagai doa harian. Kuatkan akidah Islam pelajar muslim dengan menjadikan Allah sebagai penolong dan pelindung di dalam kehidupan harian kita.

Islam adalah peraturan hidup yang bersifat integral yang mengatur hidup dan kehidupan manusia dan menjadi dasar akhlak yang mulia yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada umat manusia (Abdul Kareem, 2007). Menjadi kewajipan pelajar

muslim politeknik yang beragama Islam menggunakan Islam sebagai cara hidup dan Islam sebagai budaya hidup. Oleh itu pelajar muslim politeknik sewajarnya membangunkan personaliti mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Islam.

5. Kesimpulan

Pembangunan modal insan pelajar muslim politeknik Tuanku Syed Sirajuddin perlu di ambil berat oleh semua pihak yang terlibat samada pihak Jabatan Pengajian Politeknik selaku pihak yang bertanggungjawab terhadap institusi politeknik di Malaysia, tenaga pengajar di PTSS dan seterusnya masyarakat yang berada di dalam PTSS. Di samping aspek kurikulum, aspek pembangunan modal insan juga perlu dititikberatkan untuk kelestarian PTSS. Jika semua individu di politeknik boleh mewujudkan persekitaran yang baik dalam semua aspek yang meliputi kerjasama, tolong-menolong bahkan tiadanya unsur hasad dengki, ini akan membantu pembangunan modal insan muslim PTSS.

Membina pelan strategik jangka panjang supaya pensyarah muslim sebagai sumber utama ilmu kepada pelajar muslim politeknik menerima ilmu akidah islam dan iman kepada Allah. Akidah islam dan iman akan merangsang jiwa pelajar tersebut untuk berubah ke arah personaliti yang lebih baik. Islam sahaja agama yang Allah SWT iktiraf untuk kehidupan di muka bumi ini. Islam sahaja agama yang Allah redhai dan boleh menghantar manusia masuk ke dalam syurga Allah iaitu negeri kekal abadi dan tiada lagi negeri selepas itu. Semoga penulisan ilmiah ini boleh meningkatkan rasa hati untuk beriman kepada Allah SWT kepada pembacanya.

RUJUKAN

- Abdul Kareem Zaidan. 2007. *Dasar-dasar ilmu dakwah*. Jld1. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Abdullah Muhammad Abdurrahman.2008. *Tafsir ibnu kathir*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ali Al-Shurbaji.2009. *Suri Teladan Kehidupan Para Sahabat*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Junaidah Hashim. 2009. *Islamic Revival In Human Resource Management Practices Among Selected Islamic Organisations In Malaysia*. International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management. 2(3). 251-267.

- Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan.2014. *Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam sebagai Fokus*. Universiti Sains Malaysia.
- Majdi Al-Hilali.2006. *Adakah Berhala Pada Diri Kita*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Majdi Al-Hilali.2015. *Di Hati Kita Bermula*. Shah Alam: Grup Bukun Karangraf Sdn. Bhd.
- Mohd Zailani Mohd Yusooif.2012. *Pertimbangan Moral Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Rosdi Baharom & Maimunah Hashim. 2014. *Membentuk Si Kecil Sebagai Hamba Allah*. Bangi: Haluan Malaysia.
- Siti Noorsyafenas & Ahmad Yunus.2016. *Pengurusan Stres Menurut Al-Quran dan Hadis*. Jurnal Al-Hikmah 8(1) 2016, 4-7. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Qutb.1986. *Petunjuk Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Yusuf Al-Qaradawi .2008. *Iman Dan Kehidupan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.